



Soalan - Soalan Lazim

Perubahan Perbankan Digital Perbadanan TAIB

1. Kenapa Perbankan Digital Perbadanan TAIB berubah?

Sistem Perbankan Digital Perbadanan TAIB baharu, TAIB Virtual Experience (TAIB VX) akan memberikan pelanggan produk yang lebih baik serta beberapa perkhidmatan yang baharu.

2. Bagaimana cara untuk menggunakan TAIB VX?

Awda perlu melayari laman sesawang <https://vx.taib.com.bn/> bagi penggunaan perbankan internet. Untuk telefon bimbit, awda perlu memuat turun aplikasi TAIB VX dengan *App Store* atau *Play Store* kerana perkhidmatan di aplikasi sebelumnya akan dihentikan.

3. Apakah keperluan sistem bagi telefon bimbit untuk memuat turun dan menggunakan TAIB VX?

Keperluan sistem untuk memuat turun dan menggunakan TAIB VX adalah iOS 12.0 atau Android 7.0.

4. Apakah yang diperlukan untuk pendaftaran perbankan digital kali pertama?

- I. Untuk pendaftaran kali pertama, awda perlu mengisikan:
 - Nama Pertama
 - Nama Terakhir
 - Customer ID
 - Nombor Akaun
 - Alamat Emel
 - Tarikh Lahir
- II. Baca dan setuju dengan terma dan syarat bagi meneruskan pendaftaran
- III. Isikan OTP (One Time Password) yang telah dihantar ke emel atau telefon bimbit melalui SMS (sah selama 15 minit) untuk pengesahan butiran awda
- IV. Satu link akan dihantar kepada alamat emel berdaftar untuk membuat:
 - **Nama Pengguna (Username)** (tidak melebihi 25 huruf dan angka)



- **Kata Laluan (*Password*)** (8 - 32 karakter, tidak kurang 1 huruf besar, 1 karakter spesial dan 1 angka, contoh: *Awang@1*)

5. **Bolehkah saya log masuk dengan *username* sebelumnya?**

Ya, awda boleh log masuk menggunakan *username* sebelumnya akan tetapi awda perlu menukar *password*.

6. **Bagaimana cara untuk menukar kata laluan?**

- I. Tekan "Forgot Password" semasa log masuk
- II. Isikan *username* (sensitif huruf) dan tarikh lahir awda
- III. Isikikan OTP yang telah dihantar ke emel atau telefon bimbit melalui SMS (sah selama 5 minit) untuk pengesahan butiran awda
- IV. Ikuti *link* yang telah dihantar kepada alamat emel awda untuk menukar kata laluan

7. **Bagaimana cara jika saya menukar atau lupa nombor telefon bimbit yang didaftar bersama Perbadanan TAIB?**

Jika awda telah menukar nombor telefon bimbit awda, sila kunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengemas kini maklumat awda. Tetapi jika awda lupa nombor telefon bimbit yang didaftar bersama Perbadanan TAIB, awda boleh menghubungi pusat panggilan kami di talian 2220 299 untuk mengesahkan nombor telefon yang didaftar.

8. **Bagaimana jika saya tidak ada alamat emel berdaftar bersama Perbadanan TAIB?**

Sila kunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengemaskini maklumat awda kerana *link* untuk pendaftaran perbankan digital dan penukaran *password* akan dihantar melalui emel.

9. **Bagaimana jika saya tidak tahu ID Pelanggan (*Customer ID*) saya?**

Awda boleh melayari laman sesawang <https://www.taib.com.bn/taib-web/cifgenerator> untuk mendapatkan *Customer ID* awda.



10. Apakah perkhidmatan yang tersedia dalam TAIB VX?

TAIB VX menyediakan beberapa perkhidmatan seperti:

- Perkhidmatan akaun Perbadanan TAIB
- Pemindahan dana
- Pembayaran bill
- Tambah nilai (*top-up*)

11. Adakah maklumat saya masih kekal dalam TAIB VX?

Awda masih boleh melihat maklumat dari perbankan digital sebelumnya dalam TAIB VX termasuk butiran akaun, sejarah transaksi dan *e-statement*. Walaubagaimanapun, penerima pembayaran serta biller tidak akan dipindahkan daripada sistem sebelumnya.

12. Apakah maklumat penting lain yang saya perlu ketahui?

Untuk maklumat penting yang lain, sila rujuki terma dan syarat perbankan digital kami yang tersedia dalam laman sesawang Perbadanan TAIB <https://www.taib.com.bn/taib-web/services/digitalbanking>.

Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi pusat panggilan Perbadanan TAIB di talian 2220 299 atau kunjungi mana-mana cawangan kami.